



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1967) (No.2) 1968

DR.34/1968

RANG UNDANG²

34 68

bernama

Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan Tambahan (1967) (No. 2), 1968. Tajok ringkas.

2. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan pengeluaran wang sa-jumlah wang yang tidak lebeh daripada lima puloh dua juta lima ratus lima puloh sembilan ribu dan empat puloh enam ringgit (\$52,559,046) daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan bagi perbelanjaan untuk berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1967 yang tidak di-peruntokkan atau yang tidak di-peruntokkan dengan sa-penoh-nya oleh Act Perbekalan, 1967, Act Perbekalan Tambahan (1967), 1967 dan Act Perbekalan Tambahan (1967), 1968. Perbelanjaan tambahan lagi tahun 1967.
2 tahun 1967.
42 tahun 1967.
1 tahun 1968.

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntokkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual kapada Act ini. Peruntokan.

JADUAL

(Sekshen 2)

Kepala No. (1)	Tajok (2)	Peruntokan bagi Kepala (3)
		\$
S. 7 ...	Perdana Mentri	47,500
S. 18 ...	Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran	27,809,483
S. 19 ...	Pelajaran—Malaysia Timor	465,812
S. 20 ...	Kementerian Luar Negeri	282,853

Kepala No. (1)	Tajok (2)	Peruntukan bagi Kepala (3) \$
S. 23 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	23,817,032
S. 51 ...	Pesurohjaya Tanah ...	6,310
S. 63 ...	Kementerian Pengangkutan ...	52,000
S. 64 ...	Penerbangan Awam ...	78,056
Jumlah ...		<u>52,559,046</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun bagi bayaran² tambahan yang tertentu yang akan di-buat untuk perkhidmatan² awam persekutuan dalam tahun 1967 yang melebihi perbelanjaan yang di-benarkan oleh Act Perbekalan 1967, Act Perbekalan Tambahan (1967), 1967, Act Perbekalan Tambahan (1967), 1968 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulan Wang Belanja Luar-jangka sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. 3654/7.]